



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	JPNT			



Jentera berat yang disita untuk siasatan lanjut.



FOTO: IHSAN JABATAN PERHUTANAN TERENGGANU

Antara balak yang dirampas di Hutan Simpan Rasau Kerteh pada Ahad.

# Curi balak di Hutan Simpan Rasau Kerteh

Sinar, 23 Sept  
2021\_25

Jabatan Perhutanan rampas 10 tual kayu balak bernilai RM15,000 bersama sebuah jentera

Oleh RUBLAH OMAR

DUNGUN

Jabatan Perhutanan Terengganu merampas 10 tual kayu balak bulat pelbagai saiz dan spesies serta sebuah jentera berat di Kompartmen 14 Hutan Simpan Rasau Kerteh di sini pada Ahad.

Pengarah Jabatan Perhutanan Terengganu, Roslan Rani berkata, kakitangan Pejabat Hutan Daerah

Terengganu Selatan ke lokasi untuk melakukan penyiasatan pada jam 9 pagi selepas menerima aduan pencerobohan di kawasan hutan simpan berkenaan.

Menurut beliau, setibanya di lokasi turut ditemukan sebuah jentera excavator berhampiran tual kayu yang disita.

"Hasil siasatan, kita percaya jentera berat tanpa pemilik itu telah digunakan untuk mengangkut kesemua hasil hutan yang dilonggokkan. Turut ditemui 15 tunggul yang berpadanan dengan tual kayu yang ditemui.

"Kita percaya kerja-kerja ini dilakukan secara berkumpulan dan kesemua hasil hutan ini baharu sahaja ditebang. Jentera anggaran nilai RM50,000 itu disita di Depo Sitaan

Paka, Jabatan Perhutanan Terengganu di Paka untuk siasatan lanjut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 47 (1) dan 81 (1)(b) Enakmen Perhutanan Negara (Penerimaan-pakai) 1986 Negeri Terengganu.

Dalam pada itu, Roslan berkata, pihaknya sentiasa melakukan operasi bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan kesalahan hutan dan jenayah alam sekitar dapat dikawal dan dibanteras.

"Kita juga sentiasa mengalukan maklumat awam dan orang ramai kini dilihat semakin berani untuk tampil menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penerokaan serta pencerobohan hutan secara haram," katanya.